

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

MAJLIS DAERAH SELAMA



2021 - 2025

**PEMBUDAYAAN INTEGRITI
BERSIH RASUAH**

AMANAT KEPIMPINAN

TUAN NOR AKMAL BIN YANG GHAZALI, AMP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama



@ Lata Tebing Tinggi,
SELAMA



Bismillahirrahmanirranim.

AMANAT KEPIMPINAN

Assalamualaikum wmt. wbr.,
Salam SELAManya di hati.

Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَتَخُونُوا أَمَانَاتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah Al-Anfal: 27)

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi Syabas dan Tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Selama (MDS) yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MDS 2021-2025.

Pembangunan pelan ini adalah sejarar dengan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019 - 2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Ianya juga bertepatan dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia dan Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Adalah menjadi hasrat pentadbiran agar Pelan ini dapat dijadikan sebagai rujukan utama oleh warga MDS untuk melaksanakan strategi yang telah dirancang. Sesungguhnya, sikap telus, berintegriti, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik merupakan asas yang perlu sentiasa didokong dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama untuk memberikan sokongan dan komitmen yang jitu untuk menghentikan sebarang bentuk jenayah rasuah daripada berkembang sekaligus meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan demi rakyat dan negara Malaysia yang tercinta.

Ingatlah, hindari dan jangan membuka ruang dan peluang. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Salam Hormat,

TUAN NOR AKMAL BIN YANG GHAZALI, AMP

Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama



PENYATAAN KOMITMEN

KETUA JABATAN / UNIT

Pelan Antirasuah MDS 2021-2025 merupakan dasar Antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi MDS untuk membanteras dan membentengi sebarang usaha jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa daripada berlaku dalam perkhidmatan pentadbiran MDS.

Pelan ini digubal selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu Memperkuuhkan Kecekapan Perkhidmatan Awam iaitu dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) oleh sektor awam.

Kerangka dasar dan strategi ini dihasilkan melalui beberapa sesi perbincangan dan bengkel yang dihadiri oleh semua ketua jabatan/bahagian, pegawai daripada setiap jabatan/bahagian dalam MDS termasuk penglibatan daripada Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis yang sangat komited untuk memastikan pembangunan Pelan ini dapat direalisasikan.

Pelan Antirasuah MDS ini meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan dan ketirisan tadbir urus, integriti dan antirasuah yang harus ditangani. Bagi memastikan kejayaan Pelan ini, jabatan/ bahagian peneraju yang bertanggungjawab telah dikenalpasti untuk melaksanakan inisiatif mengikut tempoh masa pelaksanaan. Pelan ini juga akan menjadi rujukan utama selain bertindak sebagai panduan kepada semua peneraju dalam melaksanakan strategi masing-masing.

Semoga dengan langkah ini, semua warga MDS dapat memberi komitmen bagi merealisasikan visi MDS bebas rasuah dan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti tinggi.



**Melalui kerjasama daripada semua
jabatan dan bahagian MDS juga telah
sama-sama bertekad untuk
memastikan penyampaian
perkhidmatan secara telus dan
berintegriti akan dilaksanakan di MDS.**





**NOOR EKHSAN BIN
BAHARUDDIN**
Setiausaha
Majlis Daerah Selama



**NORZAHANI BINTI
ZAINI**
Jabatan Khidmat
Pengurusan



**NOOR SALBIAH BINTI
KHUDZIR**
Jabatan Perbendaharaan



ROFIZLAN BIN YUNUS
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta



**MOHD SYUKRI BIN
MD.NOOR**
Jabatan Kesihatan
Awam



**SITI NURBAYA BINTI
ABU BAKAR**
Jabatan Perancang
Bandar



**MOHAMAD FARIQ BIN
ABD. RAZAK**
Jabatan Kejuruteraan



**MOHD YUSRI BIN
MOHD YUNUS**
Unit Pusat Sehenti
(OSC)



**NABILA HUDA BINTI
NASRUDIN**
Unit Teknologi Maklumat



**MOHAMMAD RAZIF
BIN ISMAIL**
Unit Undang-Undang
Dan Penguatkuasaan



**NUR ARIFAH BINTI
ABDUL AZIZ**
Unit Audit Dalam



**UMAR SHAHREZAD
BIN SHAHABUDDIN**
Jabatan Kawalan
Bangunan



**ROZIHAN BINTI
ABDUL MALIK AINI**
Unit Korporat Dan
Perhubungan Awam



SINGKATAN

| | |
|---------------|--|
| ABMS | Anti-Bribery Management System |
| AG | Attorney General |
| BPA | Biro Pengaduan Awam |
| CEO | Chief Executive Officer |
| CPI | Indeks Persepsi Rasuah |
| GIACC | Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional |
| JAR | Jawatankuasa Antirasuah |
| JKMMAR | Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPM | Jabatan Perdana Menteri |
| MDS | Majlis Daerah Selama |
| MS ISO | Malaysian Standard International Organization |
| NACP | National Anti Corruption Plan |
| NGO | Non-Government Organization |
| OACP | Pelan Anti Rasuah Organisasi |
| PAN | Pelan Anti Rasuah Nasional |
| PAR | Pelan Anti Rasuah |
| PIN | Pelan Integriti Nasional |
| PSCR | Public Service Corruption Ranking |
| SOP | Standard Operating Procedures |
| SPRM | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Majlis Daerah Selama 2021 – 2025 ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke – 7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantauan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Sehubungan itu, terhasillah Pelan Antirasuah MDS yang merupakan dokumen utama Majlis dengan menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah.

Visi Pelan Anti Rasuah MDS adalah untuk melahirkan Warga Majlis Daerah Selama Yang Telus Dan Berintegriti melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti, kredibiliti dan berintegriti dalam proses penyampaian perkhidmatan Majlis Daerah Selama.



BAB 1

Merangkumi latar belakang MDS dan beberapa usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan anti rasuah di MDS. Dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pengurusan tertinggi. Pelan Anti Rasuah telah digubal untuk memberikan fokus dan hala tuju yang lebih jelas kepada Majlis Daerah Selama untuk memerangi rasuah.



BAB 2

Bengkel pembangunan Pelan Antirasuah MDS telah dilaksanakan yang mana melibatkan keseluruhan Jabatan / Bahagian dengan bimbingan Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Perkongsian ilmu dengan kerjasama erat juga diterima daripada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Pengaduan Awam (BPA) dan lain-lain jabatan yang memberi maklumat yang diperlukan.



BAB 3

Menghuraikan empat bidang keutamaan iaitu Penguatkuasaan Undang-Undang, Perolehan, Tadbir Urus Terbaik Organisasi dan Perundangan. Daripada empat bidang keutamaan ini, empat strategi telah dikenal pasti iaitu Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang, Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam, Mengukuhkan Kecekapan Tadbir Urus Dan Berintegriti Tinggi serta Meningkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan. Strategi ini seterusnya menjurus kepada objektif strategik yang merangkumi inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh (5) lima tahun akan datang.

BAB 4

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan Pelan Antirasuah MDS. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua jabatan/bahagian agar selari dengan kerangka pelaksanaan Pelan Antirasuah MDS. Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah MDS supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang diharatkannya. Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan Visi dan Misi Pelan Antirasuah MDS.



KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

- 12 Latar Belakang Organisasi**
- 14 Fungsi Majlis Daerah Selama**
- 15 Dasar Integriti Tadbir Urus**
- 16 Pelan Integriti Organisasi (PIO) MDS**
- 18 Mengapa Perlu Tangani Rasuah**
- 21 Bidang-Bidang Berisiko**
 - 01 Penguatkuasaan Undang-Undang
 - 02 Perolehan
 - 03 Tadbir Urus Terbaik Organisasi
 - 04 Perundangan

BAB 2: SENARIO MASA HADAPAN

- 23 Menghubungkaitkan Masa Sekarang dan Masa Hadapan**
- 29 Matrik Senario : Senario Anti Rasuah 2030**
- 35 Peluang Yang Ada**
- 36 Risiko Yang Terungkai**
- 37 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian**
- 38 Kupasan Data**

BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 41 Keperluan Pelan Antirasuah dalam Konteksual Kepada Kerangka Majlis Daerah Selama**
- 44 Kerangka Pelan Antirasuah Majlis Daerah Selama**
- 45 Mengenai Pelan Antirasuah**
- 48 Analisis Ke Atas Maklumat Rasuah di Malaysia**
- 49 Analisis Kuadran**
- 50 Keutamaan Strategi : Penekanan 12 Inisiatif**
- 52 Bidang Keutamaan**

BAB 4: TADBIR URUS

- 58 Mekanisma Pelaksanaan**
- 59 Mekanisma Penyelarasaran, Pemantauan Dan Penilaian**

BAB 5: KESIMPULAN

- 63 Kesimpulan**
- 64 Penghargaan**



BAB 1

PENGENALAN

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

MDS



LATAR BELAKANG

ORGANISASI

Majlis Daerah Selama (MDS) telah mula beroperasi sejak 1950-an. Pada tahun 1948, semasa darurat, kampung-kampung Melayu baru dan kawasan-kawasan Cina ditubuhkan di Redang Panjang, Bagan Baru, Sungai Terap, Kubu Gajah dan Rantau Panjang. Perkampungan baru (Kampung Baru) dinamakan untuk kampung-kampung Melayu dan Majlis Tempatan untuk kampung-kampung Cina. Pada tahun 1952, Majlis Daerah Selama dikenali sebagai Lembaga Bandar Selama di bawah Ordinan Majlis Tempatan. Pada tahun 1953, Lembaga Bandar Selama dikenali sebagai Majlis Tempatan. Majlis Tempatan yang meliputi kawasan Perkampungan Baru dan Majlis Tempatan di bawah Ordinan Majlis Tempatan. Majlis Tempatan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Ahli-Ahli Jawatankuasa adalah dari penduduk setempat yang dipilih dalam pilihanraya Kerajaan Tempatan. Dalam tempoh ini, ia berada di bawah naungan Kerajaan Negeri.

Pada 28 Oktober 1964, Suruhanjaya Diraja yang diketuai oleh Athi Nahappan ditubuhkan untuk meneliti pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia Barat. Salah satu cadangan adalah untuk menggabungkan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan, menjadikannya identiti tunggal. Pada tahun 1965, pentadbiran Majlis Tempatan terganggu dan pilihan raya Kerajaan Tempatan menjadi tidak sah. Hasil daripada pemilihan yang tidak sah, Kerajaan Tempatan dan Anggota Jawatankuasa dipilih oleh Kerajaan Negeri. Pengurus kemudiannya dipilih oleh Ahli Jawatankuasa yang disahkan oleh Kerajaan Negeri.


Pada akhir tahun 1960an, Lembaga Pengarah Selama dan semua Majlis Tempatan di Daerah Selama dikenali sebagai Lembaga Pentadbir Kerajaan Tempatan untuk Selama dan cawangannya. Lembaga Pentadbir Kerajaan Tempatan pada dasarnya adalah sebuah badan kewangan autonomi yang dibantu oleh kerajaan Negeri melalui Geran Pelancaran dan Pemberian Tahunan. Kebanyakan kakitangan di Lembaga Pentadbir Kerajaan Tempatan (LGAB) dipinjamkan dari Kerajaan Negeri terutama dalam pentadbiran, dibantu oleh ARO (Pentadbir Cina) dan AMIR (Pentadbir Melayu) untuk menjaga kebajikan orang Cina dan orang Melayu masing-masing. Sebagai hasil siasatan Athi Nahappan, Pihak Berkuasa Tempatan telah disusun semula.



Pada 1 Disember 1979, Majlis Daerah Selama telah diwujudkan dengan menggabungkan Pihak Berkuasa Tempatan berikut:

Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Selama
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Sungai Terap
Lembagan Pentadbiran Kerajaan Tempatan Sungai Bayor
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Bagan Baru
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Redang Panjang
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Kampung Masjid
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Rantau Panjang
Lembaga Pentadbiran Kerajaan Tempatan Kubu Gajah

Pada 24 April 1980, Majlis Daerah Selama telah diwartakan melalui Kerajaan Negeri Perak Gazette P.U.P.K 14.



FUNGSI MAJLIS DAERAH SELAMA

MDS adalah merupakan kerajaan di peringkat tempatan yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan serta melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar mengikut sempadan pentadbiran yang telah diwartakan.

Disamping bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri, MDS yang merupakan Kerajaan Tempatan juga berperanan memberi perkhidmatan seperti berikut:

- ❑ Memberi perkhidmatan mengutip sampah setiap hari di kawasan Pekan dan kawasan berhampiran tiga kali seminggu di cawangan-cawangan.
- ❑ Pembersihan longkang dilakukan setiap hari di kawasan Pekan Selama dan 3 kali setahun di cawangan-cawangan.
- ❑ Memproses kelulusan pelan sesebuah bangunan kediaman / perniagaan / kilang yang mematuhi semua kehendak perundangan dalam tempoh satu bulan dengan syarat permohonan disertakan dengan dokumane-dokumen lengkap.
- ❑ Menjelaskan semua bil-bil dalam tempoh (7) hari tarikh terimaan Bil.
- ❑ Bil Cukai Taksiran dikeluarkan dan dihantar kepada pembayar cukai tidak lewat daripada 15hb Januari dan 15hb Julai pada setiap tahun.
- ❑ Mengambil tindakan segera mengikut kemampuan Majlis terhadap aduan dari orang ramai tidak lebih dari 14 hari.



DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKMMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah membuat keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pelan Antirasuah MDS ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam Majlis Daerah Selama bagi tempoh lima tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat murni tersebut, segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan sebagainya akan diambil kira, ditambah baik, dikaji, diolah semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan lebih praktikal. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala sistem arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.

Situasi ini secara tidak langsung akan mendorong setiap peringkat warga Majlis Daerah Selama untuk turut sama terlibat bagi menjayakan Pelan Antirasuah MDS ini.





**PIN
2004**

PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pada 23 April 2004, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai sektor lapisan masyarakat terhadap integriti. Agenda ini bertujuan menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, mengukuhkan asas moral masyarakat dan negara disamping meningkatkan daya saing dan daya tahan negara dalam usaha menangani cabaran globalisasi. Fasa pertama PIN adalah bertujuan:

- Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi kerentak birokrasi dan penyelewengan
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Memantapkan institusi keluarga
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat
- Lima sasaran keutamaan ini menjadi agenda Kerajaan ke arah membudayakan integriti masyarakat



**PIO
2014**

PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO)

Selaras dengan hasrat dan inspirasi PIN, MDS telah menggubal Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2017 – 2020. Pelan Integriti Organisasi dirangka untuk meneruskan program-program penerapan nilai-nilai murni bagi membentuk jati diri, akauntabiliti dan keperibadian yang tinggi pada warga MDS serta memugar nilai dan etika penjawat awam yang bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk kepuasan pelanggan sejajar dengan visi, misi dan piagam pelanggan MDS.




Bagi tujuan tersebut, pelan ini dirangka bagi melaksanakan program dan aktiviti melalui strategi-strategi yang telah dikenalpasti ke arah mencapai pengurusan integriti yang holistik dan komprehensif.




PENDEKATAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO) MDS

Strategi dan program yang digariskan dalam Pelan Integriti Organisasi MDS 2017 – 2020 menggunakan empat (4) pendekatan seperti yang digambarkan.



Selaras dengan strategi yang telah digariskan dalam PIO, terdapat lima (5) strategi yang digunakan dalam PIO MDS 2017 – 2020 seperti di bawah :



MENGAPA PERLU TANGANI RASUAH -DARI PELBAGAI PERSPEKTIF

Gejala rasuah secara amnya, ialah satu bentuk urusniaga yang berkisar kepada pertukaran kepentingan antara satu pihak yang berkuasa dengan pihak yang berkepentingan. Sejakar dengan perkembangan dunia, Kepesatan ekonomi dan kemajuan dalam teknologi maklumat, Cara pelakuan rasuah semakin jauh berubah. Daripada konsep rasuah kecil-kecilan, ia telah beralih ke konsep rasuah yang lebih besar jaringannya, lebih kompleks dan lebih banyak terselindung.

Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan tenaga profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita. Di samping itu, gejala rasuah turut akan memburukkan lagi taraf kemiskinan rakyat kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu rakyat miskin diselewengkan.



Apabila jenayah rasuah menjadi budaya organisasi ianya amatlah menggerunkan. Kejadian rasuah akan meninggalkan implikasi yang buruk terhadap pelbagai pihak di mana ia boleh mengakibatkan kerosakan yang berpanjangan khususnya dari segi imej dan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi. Kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Dengan adanya kegiatan rasuah, tiada sesiapa akan dapat mengagak tindakan seseorang atau hasil daripada sesuatu rancangan untuk masa depan.



Selain itu, rasuah turut akan mewujudkan pemerintahan yang lemah kerana setiap kali rasuah berlaku, maka pemerintah kehilangan hasil atau tergelincir akibat daripada tindakan-tindakan yang tidak sepatutnya. Umpamanya jika cuai terhadap sesuatu yang telah ditentukan, maka pemberian rasuah telah menggantikan wang cukai yang sepatutnya dikutip dan manfaatnya hanya dinikmati oleh segelintir pemberi rasuah.

Rasuah juga perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai kesan negatif termasuk risiko pendakwaan jenayah, risiko kerugian kewangan, perdebatan moral, kenaikan kos pembiayaan, modal operasi dan kos penyelenggaraan sesuatu projek, kenaikan harga harta tanah, utiliti, atau kenaikan fee untuk menggunakan sesuatu kelengkapan.



Rasuah boleh mengakibatkan kerja-kerja yang membahayakan, kurang pelaburan dan penarikan kontraktor dari pasaran. Selain itu, ia menimbulkan ancaman kepada negara dan individu, ia boleh menyebabkan pergolakan sosial dan menggalakkan lebih banyak jenayah.



Manakala kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah akan menyebabkan pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir. Akibatnya, ia menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan masyarakat dan sebagainya. Budaya rasuah juga boleh menghancurkan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara.

Amalan rasuah juga boleh membawa pelbagai impak negatif seperti keruntuhannya moral dan penindasan di kalangan masyarakat, kerosakan juga ancaman kepada negara, serta menggugat keselamatan serta ke amanan. Justeru bagi mengelak berlakunya keadaan sedemikian adalah menjadi tanggungjawab semua pihak dalam membanteras isu ini hingga ke akar umbi.

Pelbagai langkah dalam membendung dan menangani gejala rasuah ini perlu dilaksana dan disokong oleh semua pihak memandangkan rasuah mampu meninggalkan implikasi terhadap semua pihak. Sesungguhnya, tanpa rasuah segala urusan pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Keadilan serta kesaksamaan dalam masyarakat akan dapat dipertahankan dan semua rakyat tanpa mengira kedudukan juga bangsa akan hidup dengan aman.



BIDANG-BIDANG BERISIKO

01. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. MDS amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar pelanggaran undang-undang demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan isu penguatkuasaan undang-undang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak luar, kurangnya kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Penguatkuasaan undang-undang dengan itu harus dikaji semula bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

02. PEROLEHAN

Perolehan merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh MDS. Oleh kerana perolehan melibatkan sejumlah besar wang, MDS perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan MDS dan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.



03. TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI

Tadbir Urus mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan MDS. Penyampaian perkhidmatan dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej MDS dan negara amnya. Asas bagi tadbir urus terletak pada fungsi teras untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan tadbir urus demi meningkatkan kebertanggungjawaban dan ciri-ciri integriti.

04. PERUNDANGAN

Perundangan secara umumnya merujuk kepada penyediaan perkhidmatan perundangan dari segi khidmat nasihat dan pendefiniasian undang-undang serta memastikan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan. Ini adalah bertujuan bagi mengekalkan keharmonian, keselesaan dan keselamatan penduduk di dalam kawasan pentadbiran MDS selaras dengan undang-undang yang digunakan. Badan Perundangan juga mempunyai kuasa untuk menggubal Undang-Undang Kecil, Perintah, Kaedah dan Peraturan yang boleh dikuatkuasakan dalam kawasan pentadbiran MDS.



BAB 2

**SEENARIO
MASA
HADAPAN**

**PEMBUDAYAAN INTEGRITI
BERSIH **RASUAH****



**RASUAH
Satu
JENAYAH !**

MENGHUBUNGKAITKAN MASA SEKARANG DENGAN MASA HADAPAN

Adalah penting untuk Majlis Daerah Selama sedar akan keperluan dan perubahan semasa dan kesannya apabila melakukan intervensi penggubalan dasar dan polisi. Sistem Pengurusan Majlis Daerah Selama yang cekap haruslah mengambil kira perubahan semasa dan impaknya kepada masa hadapan. Perubahan konteks sosial menjadi pemacu utama kepada Majlis Daerah Selama untuk menilai semula pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.

Dunia pada tahun 2030 semestinya berbeza dengan keadaan sekarang. Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) mencetuskan trend mega (mega trend) hasil daripada kerancakan kemajuan teknologi disruptif. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, beberapa trend yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penggubalan suatu kerangka dasar telah dikenalpasti.

Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenalpasti bakal memberi kesan besar kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah:



PENDIGITALAN secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik beserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebahan tentang inisiatif antirasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.

KEMAJUAN TEKNOLOGI turut dapat merapatkan lagi hubungan usahasama antara Kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan (*co-creation processes*) membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama dengan orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar.

AUTOMASI sesuatu proses dapat menjimatkan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence, AI*) dalam sebuah aplikasi atas talian dapat meghubungkan terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada salinghubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Tuntasnya, walaupun negara (*state*) kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.

DALAM MENANGANI DESAKAN dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta (*public-private partnerships, PPPs*) yang berterusan lama kelamaan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjimatan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga (keusahawanan) dalam kerjasama ini, Kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.

PLATFORM MEDIA SOSIAL haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara Kerajaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usahasama. Pengguna media sosial, sama ada pihak Kerajaan maupun orang awam dapat berkomunikasi dan berkolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambilkira dalam perancangan pembangunan nasional.

PENYESUAIAN MENGIKUT KEPERLUAN dapat direalisasikan dengan penggunaan Analitis Data Raya (*Big Data Analytics*). Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklumbalas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.



TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani, termasuklah rasuah. Pada hari ini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak, Kerajaan mahupun orang ramai, untuk mencari mekanisma terbaik membanteras rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanterasan rasuah adalah seperti berikut;

CEGAH RINTANG RASUAH

Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisma yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah

PROSES AUTOMASI

Proses automasi perolehan dan pembayaran dapat melancarkan transaksi dan memastikan ketelusan sekaligus mengurangkan risiko rasuah

MERAIH KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI

Organisasi yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dan memastikan jejak audit yang selamat akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan/ pengguna

PERKONGSIAN MAKLUMAT

Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada Kerajaan mahupun pasaran

PENDIGITALAN PERKHIDMATAN AWAM

Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan karenah birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos

Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada risiko penyalahgunaan. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi dengan cara yang lebih sofistikated. Akibat daripada kecanggihan teknologi ini, perlakuan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit. Justeru, adalah penting untuk mengambilkira pelbagai langkah untuk menangani pelbagai bentuk perlakuan rasuah yang mungkin berlaku sama ada atas talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif anti rasuah.



Data Raya boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analitika dataraya mampu mengenalpasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik (*statistical processing*) dan analitis ramalan (*predictive analytics*).

Gabungan kaedah perlombongan data serta visualisasi data dijangka dapat digunakan untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidak jujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analitis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan menggagalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analitis ramalan ini merujuk kepada keadaan dimana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan/ sedang berlaku.

Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence-AI*) membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. AI berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara AI dan analitis ramalan adalah AI merupakan platfom yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan AI sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah. Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi dimananya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya , pada tahap yang lebih tinggi, analisis tingkah laku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan keberangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat awal lagi.

Rantaian Blok berpotensi digunakan sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila ianya diterimakan secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisma yang terangkai bersama, dimana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru.

Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisma perakaunan yang akan merekod jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan (*supply chain*), pemindahan data (data transfer), aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam Kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini adalah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.



Penggunaan Perancangan Senario Penting Sebagai :

- I. alat untuk mengenalpasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau
- II. instrumen pengurusan risiko yang penting
- III. indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko
 - sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi

MATRIK SENARIO : SENARIO ANTIRASUAH 2030

Senario berikut mewakili masa depan-masa depan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran Pelan Antirasuah Majlis Daerah Selama



SENARIO ANTIRASUAH 2030

S1

SENARIO KESINAMBUNGAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang berlaku secara terpilih dan tidak konsisten. Terdapat golongan kaya yang mampu untuk membayar denda untuk melepaskan diri dari hukuman berat manakala yang kurang berkemampuan dikenakan hukuman

TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI

Melalui penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisma tadbir urus kerajaan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan dalam MDS

S1 SENARIO KESINAMBUNGAN

PEROLEHAN

Penglibatan manusia dapat dikurangkan melalui kemajuan dan penggunaan teknologi dalam proses perolehan MDS. Ketelusan merosot dalam bidang tertentu. Manakala mekanisma semak dan imbang yang telah dikenalpasti tetapi hanya untuk projek terpilih sahaja. Peranan orang tengah masih wujud dalam proses dan sistem perolehan MDS.

PERUNDANGAN

Wujud mereka yang terlepas daripada pertuduhan disebabkan kelemahan sistem perundangan. Kebanyakan perundangan hanya berdasarkan 'atas kertas' tanpa sebarang tindakan. Pemberi maklumat masih tidak dilindungi manakala hukuman tidak setimpal dengan kesalahan yang disabitkan.



SENARIO ANTI RASUAH 2030

S2

SENARIO KEKANGAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



Penguatkuasaan menjadi semakin sukar kerana penjenayah berada selangkah dihadapan berbanding penguatkuasa.


TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI



Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada personaliti individu untuk memacu kejayaannya. Namun, dalam jangka panjang, rasuah masih berlaku disebabkan usaha yang tidak terangkum. Kejadian jenayah semakin berleluasa dengan bentuk rasuah yang baharu yang turut melibatkan alam siber.

S2 SENARIO KEKANGAN

PEROLEHAN



Pembangunan dan penggunaan teknologi untuk membanteras rasuah dalam perolehan awam gagal meningkatkan ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah.

PERUNDANGAN



Kerangka perundangan yang komprehensif wujud namun pelaksanaannya lemah khususnya untuk jangka masa sederhana dan panjang. Sistem perundangan berfungsi dengan cekap dengan adanya penyelesaian kes dalam tempoh yang singkat.



SENARIO ANTI RASUAH 2030

S3

SENARIO PERKEMBANGAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



Sistem perundangan yang bebas dan berkesan serta dipatuhi oleh masyarakat.

TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI



Sistem tadbir urus awam melibatkan penyertaan aktif masyarakat di sekitar MDS serta penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.

S3 SENARIO PERKEMBANGAN

PEROLEHAN

Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu yang mengawal kuasa Ahli Majlis dan Pegawai-Pegawai Tertinggi MDS.

PERUNDANGAN



Sistem pengesanan anti rasuah yang mantap melalui penggunaan teknologi yang membantu ketelusan.



SENARIO ANTIRASUAH 2030

S4

SENARIO MERUDUM

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



Inisitusi penguatkuasaan MDS runtuh dan tidak lagi berfungsi disebabkan campur tangan pihak berkepentingan dalam pembuatan keputusan oleh agensi penguatkuasaan.


TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI



Amalan tadbir urus menjadi eksklusif. Karenah birokrasi serta campur tangan pihak berkepentingan menjadi sebatи dalam penyampaian Perkhidmatan Awam MDS mempengaruhi proses pembuatan keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran.

S4 SENARIO MERUDUM

PEROLEHAN



Penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkepentingan yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.

PERUNDANGAN



Kerangka perundangan untuk membanteras rasuah tidak lagi relevan di peringkat tertinggi hingga yang paling bawah. Ia mengakibatkan kehilangan keyakinan terhadap integriti MDS.



Berdasarkan Senario Antirasuah 2030 Yang Dibangunkan, Berikut Adalah:

| | |
|---|---|
| <p>MATLAMAT BERSAMA</p> <p>Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip bersama yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada pemegang taruh serta Kerajaan secara kolektif.</p> | <p>Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur</p> <p>Usaha pemberantasan rasuah yang mampan dan berterusan</p> <p>Pemerkasaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah</p> <p>Kerjasama yang lebih erat dikalangan agensi penguatkuasaan serta penyelarasan yang lebih teratur</p> <p>Pemupukan nilai dan integriti melalui pendidikan dipelbagai peringkat</p> <p>Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah</p> |
|---|---|

| | |
|--|--|
| <p>Rasuah berakar umbi, menjadikannya dikebiasaan dan sebahagian daripada budaya</p> <p>Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawalselia</p> <p>Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan</p> <p>Tadbir urus baik dipersendakan</p> <p>Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah</p> <p>Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama</p> <p>Ancaman terhadap privasi dan hak asas</p> | <p>KEBIMBANGAN BERSAMA</p> <p>Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan, sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.</p> |
|--|--|





PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkuuh inisiatif anti rasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan.

Berikut adalah peluang yang telah dikenalpasti: (tanpa mengikut keutamaan) dalam institusi utama sektor awam menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan awam terhadap institusi Kerajaan.

Penilaian risiko dan profil pada projek kerajaan. Ini meliputi pelbagai mekanisma yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku baik secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.

Membangunkan indeks penilaian integriti untuk perkhidmatan awam dan perniagaan dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan/ atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah. Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan anti sogokan yang mendapat pengiktian antarabangsa telah dilaksanakan.

Penggunaan sistem berdasarkan teknologi untuk tujuan analisis perolehan.

Penggunaan teknologi terkini dalam amalan perolehan akan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

Memaksimakan penglibatan warga untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan;

- i) ahli akademik
- ii) agamawan
- iii) masyarakat sivil
- iv) komuniti perniagaan

Sistem Pendidikan menyeluruh yang memupuk tadbir urus insan (*human governance*) dalam MDS yang dibangunkan melalui kurikulum pendidikan kebangsaan berpaksikan Tadbir Urus Insan (*human governance*) dan Program Kepimpinan Berterusan.





RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut: Data dan maklumat sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk.

Pentadbiran kerajaan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data yang akhirnya akan menyebabkan kerentenan pada sistem.

Media yang prejidis menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam.

Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

Amalan rasuah diawal usia. Amalan rasuah yang terjadi dikalangan generasi muda diperingkat sekolah. Pengesanan awal mampu mengawal fenomena ini.

Peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mula dipersoal. NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesbuah masyarakat. Walaubagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

Kewujudan ‘Little Napoleons’. Istilah *Little Napoleons* tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan penjawat awam yang kurang membantu, sompong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah kerajaan yang telah melalui reformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalnya.



PERKARA YANG PERLU DI BERI PERHATIAN

Amalan rasuah di kalangan pembekal dan kontraktor di bawah MDS sebagai cara mencapai matlamat perniagaan. Ini boleh berlaku akibat kelemahan penguatkuasaan disamping ketiadaan kedaulatan undang-undang hingga menyebabkan penentuan kepimpinan tertinggi turut ditentukan oleh syarikat tersebut. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.

Pelan Antirasuah MDS mungkin dilihat hanya sebagai *show peacock*. Metafora ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah nasional.



Penglibatan tangan ghaib atau duri dalam daging dalam pengurusan. Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh tangan ghaib dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisma mengawal pengaruh tangan ghaib, gejala ini akan berterusan.


Jangkaan ancaman terhadap etika, piawaian dan integriti merujuk kepada ancaman sistemik yang mengugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam



KUPASAN DATA

Data yang dikumpul daripada Pelbagai Agensi Kerajaan seperti data daripada SPRM yang meliputi statistik serta analisis sistem dan prosedur, Laporan Ketua Audit Negara daripada Jabatan Audit Negara, Laporan Audit Dalaman daripada Bahagian Integriti dan Audit Dalam serta Laporan Aduan daripada Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan, MDS

ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT RASUAH



STATISTIK ADUAN MENGIKUT SEKTOR 2016 – 2019


*SUMBER : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Sepanjang tahun 2016-2019, hasil analisis mendapati bahawa isu **Penguatkuasaan dan Pelesehan** yang merupakan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 menjadi penyumbang terbesar kepada kesalahan di MDS iaitu sebanyak 61%. Kesalahan isu-isu Perolehan berada pada tahap kedua iaitu 22%, manakala kesalahan dari segi Amalan, Prosedur Dan Sistem Tatacara mencatat peratusan sebanyak 13%. Berdasarkan data tersebut, tiada kesalahan tuntutan palsu berlaku di MDS. Namun begitu, ia perlu dikawal bagi mengelakkan daripada berlakunya tuntutan palsu.



STATISTIK ADUAN MENGIKUT SEKTOR 2016 - 2019

* SUMBER : Bahagian Korporat, MDS



Manakala berdasarkan data yang diterima daripada Bahagian Korporat, Perhubungan Awam Dan Pelancongan, MDS, bagi sepanjang tahun 2016-2019, hasil analisis mendapati bahawa isu Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan menjadi penyumbang terbesar kepada Unit Aduan iaitu sebanyak 58%. Aduan mengenai Kegagalan Penguatkuasaan berada pada tahap kedua iaitu 23 %, manakala aduan mengenai Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan mencatat peratusan sebanyak 17%. Berdasarkan data tersebut, aduan mengenai Salah Laku Anggota Awam dan Kekurangan Kemudahan Awam masing-masing hanya 1%. Namun begitu, ia perlu sentiasa dikawal bagi memastikan MDS melaksanakan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan.





BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KEPERLUAN ANTIRASUAH KONTEKSTUAL KERANGKA MAJLIS SELAMA (MDS)

PELAN DALAM KEPADA DAERAH



1.Majlis Daerah Selama (MDS), harus melangkah ke hadapan dan tidak boleh dinafikan, MDS perlu menangani segala jenayah dan gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah dengan segera. MDS bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan serta melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar mengikut sempadan pentadbiran yang telah diwartakan. Malah MDS juga dipertanggungjawabkan dalam merekayasakan pengurusan tadbir urus Majlis Daerah yang berkualiti dan berintegriti tinggi demi kestabilan negeri dan kesejahteraan rakyat.

2.Perkara ini juga diperakui bahawa **jenayah dan gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah telah membawa banyak kepincangan**. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap MDS amnya

3.Sehubungan itu, **bagi mencapai ke arah itu**, MDS telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi MDS iaitu **Ke Arah Majlis Daerah Selama Telus Dan Berintegriti** selaras dengan aspirasi negara untuk “ **dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah**”. Bagi mencapai matlamat ini, MDS akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pendidikan dan pencegahan rasuah yang lestari di organisasi ini untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

4.MDS akan menggantikan **Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan menambahbaik Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)** – “ Membanteras Rasuah”, dengan Pelan Anti Rasuah MDS yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. Pelan Anti Rasuah MDS diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan perjawatan awam yang bertugas di setiap jabatan/unit di MDS menerusi sesi bengkel dan analisa data-data sedia ada sebagai sokongan kepada pembangunan Pelan Anti Rasuah MDS.



5.Pelan Antirasuah MDS bakal **memacu dan mencetus ke arah peningkatan merekayasaan kebertanggungjawaban**, ketelusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan semangat akauntabiliti yang tinggi dalam semua sistem dan prosedur di sektor awamnya.

6.Pelan Antirasuah MDS ini juga mempunyai **matlamat paling utama di mana ia bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan pihak berkepentingan, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus**. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan dan memantapkan tahap ketelusan dan integriti MDS sekaligus meningkatkan persepsi rakyat dan juga pelabur-pelabur terhadap di daerah ini.

7.**Beberapa bidang berisiko** yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber serta sesi Perancangan Senario (*Scenario Planning*). Hasilnya, Pelan Antirasuah MDS menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi yang menyeluruh dalam memerangi segala jenayah dan gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di jabatan, bahagian dan unit masing-masing melalui pembangunan Pelan Antirasuah MDS.



5As

GARIS

PANDUAN

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka Pelan yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advocacy*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*) dan Akreditasi (*Accreditation*).

JANGKAAN (*Anticipation*)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

ADVOKASI (*Advocacy*)

PERSEPAKATAN (*Alliance*)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundungan dan undang-undang sedia ada.

TINDAKAN (*Action*)

AKREDITASI (*Accreditation*)

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu / organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.



KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH SELAMA

VISI

Ke Arah Majlis Daerah
Selama Telus dan
Berintegriti



MISI

- Memperkasa Undang-undang
- Meningkatkan Kecekapan Sistem Tadbir Urus
- Memberikan Perkhidmatan Daerah dan Mewujudkan Persekutaran yang Bersih & Berintegriti



MATLAMAT

- Akauntabiliti dan Penguatkuasaan Undang-undang
- Kecekapan dan Keberkesanan dalam Penyampaian Perkhidmatan
- Kredibiliti & Integriti Dalam Perkhidmatan



BIDANG KEUTAMAAN

- Penguatkuasaan dan Pelesenan
- Perolehan
- Tadbir Urus Terbaik
- Perundangan



STRATEGI

- Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-undang
- Mempertingkat Keberkesanan & Ketelusan Perolehan
- Memupuk Tadbir Urus Baik dan Kecekapan Penyampaian
- Memperkuuh Sistem Perundangan



PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH SELAMA (PARMDS) 2021-2025

4 STRATEGI

26 INISIATIF

4 OBJEKTIF
STRATEGI

17 JANGKA
PENDEK

9 JANGKA PANJANG

MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan/mengenalpasti (3) tiga misi penting yang akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanterasan rasuah di organisasi ini melalui memperkasa undang-undang, penstrukturkan semula sistem perkhidmatan awam bagi memupuk konsep tadbir urus baik dan berintegriti dalam persekitaran yang bersih dan berintegriti.

ASPIRASI MAJLIS DAERAH SELAMA

**MAJLIS DAERAH SELAMA DIKENALI KERANA TELUS
DAN BERINTEGRITI**



VISI

KE ARAH MAJLIS DAERAH SELAMA TELUS DAN BERINTEGRITI

Di Malaysia, masalah rasuah dalam kalangan jentera pentadbiran kerajaan acap kali disiarkan dalam media massa, sama ada media elektronik atau media cetak (khususnya kes tangkapan, sebutan kes dan perbicaraan kes rasuah).

Masalah rasuah secara langsung atau tidak langsung akan memberi impak kepada sistem politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Rasuah menyebabkan kewibawaan kerajaan tercabar dan tercaltar (kerajaan yang memerintah dilabelkan sebagai kerajaan berasuah) dan sistem tadbir urus kerajaan akan terganggu (tanpa rasuah aktiviti pentadbiran kerajaan menjadi lambat).

Organisasi yang memberi kuasa (melalui undang-undang atau peraturan) membuat sesuatu keputusan, wujudnya ruang dan peluang (keistimewaan mengakses data dan maklumat).

Tugas hakiki pegawai (pegawai mengetahui dan memahami kelemahan sistem organisasi), perkhidmatan diberi oleh organisasi (pembekal tunggal perkhidmatan), komitmen organisasi dan agensi penguatkuasa yang rendah dalam memerangi rasuah.

Usaha memerangi dan membanteras rasuah adalah agenda utama kerajaan. Pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan bagi menangani masalah rasuah sama ada melalui penggubalan dasar, penubuhan institusi, penubuhan jawatankuasa khas, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, kempen, latihan, penerbitan buku, majalah dan jurnal, falsafah atau ideologi negara dan sebagainya.

MISI

- ❑ Memperkasa Undang-Undang
- ❑ Meningkatkan Kecekapan Sistem Tadbir Urus
- ❑ Memberikan Perkhidmatan Dan Mewujudkan Persekutaran Yang Bersih Dan Berintegriti



MEMPERKASA UNDANG-UNDANG

- Pemisahan kuasa antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman dilakukan bagi mengelakkan penyelewengan kuasa sekali gus mengekalkan asas demokrasi negara.
- Pemisahan tiga kuasa itu perlu ada bagi memastikan periksa dan imbang (*check and balance*) dapat dilakukan dalam pentadbiran negara. " Jika tiada *check and balance* seperti ini maka, tetap berlaku sesuatu yang tidak baik sehingga berlaku di mana seseorang itu tidak dapat ditegur dan tidak dapat dihalang.
- Kalau tiada pemisahan kuasa itu maka akan ada satu pihak yang akan menguasai ketiga- tiga kuasa itu menyebabkan satu pihak itu tidak boleh ditegur dan ditentang sehingga melanggar undang-undang. Kuasa pentadbiran memainkan peranan amat penting bagi menghalang perkara itu di mana setiap pentadbir perlu berikrar berkhidmat untuk negara tanpa dipesongkan oleh lain-lain perkara. Tanpa pemerkasaan undang-udang yang kuat dan ketat, maka kebarangkalian juga dapat ramai anggota pentadbir, kerana mungkin takut dan disogok mereka telah melakukan perbuatan tidak baik dan merugikan negara.

MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM TADBIR URUS


- Terus menerus komited memperkasa tadbir urus dan nilai integriti pekerjanya dalam menjalankan tugas adalah eleman utama dalam tadbir urus modal insan yang baik. Pihak Majlis harus sentiasa komited menangani aduan awam dan terus menjadi satu agenda utama tadbir urus majlis dan terus bersikap profesional bagi mencapai harapan masyarakat. Majlis sering berdepan cabaran dalam melaksanakan tugas daripada semua aspek penyampaian perkhidmatan yang mengurus kepada keselesaan dan kepuasan hati pelanggan.
- Penerapan nilai integriti penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, dan berintegriti. Malah ia dapat membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekaligus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN BERINTEGRITI

- Penyampaian kualiti perkhidmatan daerah dan mewujudkan persekitaran yang bersih dan berintegriti secara tidak langsung boleh meningkatkan kecintaan masyarakat kepada keindahan dan kebersihan di samping mengeratkan hubungan yang baik antara pemimpin dan rakyat. Agenda kebersihan dan keindahan ini perlu diterapkan kepada semua pihak supaya daerah Selama dan Perak sentiasa dalam keadaan bersih dan harmoni. Masyarakat tidak boleh mengharapkan pihak berkuasa tempatan semata-mata dalam menjaga alam sekitar, sebaliknya berganding bahu bagi memastikan negeri tercinta ini terjaga.



ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT RASUAH DI MALAYSIA



Berdasarkan analisis terhadap lebih daripada 20,000 maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh SPMR sejak tahun 2013 hingga 2018, sebanyak sembilan punca rasuah telah dikenalpasti. Carta Pareto yang mewakili 80/20, memberi penjelasan bahawa lebih daripada 80% daripada aduan rasuah adalah berpunca daripada empat punca. Empat punca utama tersebut telah diambil kira dalam membangunkan strategi dan inisiatif Pelan ini.

4 PUNCA UTAMA RASUAH

Kegagalan Pentadbiran (manipulasi terhadap sistem dan prosedur)

Konflik Kepentingan (kuasa budibicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik)

Kelemahan Kawalan Dalaman dan Ketidakpatuhan


Kurang Ketelusan



ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 12 inisiatif yang dikenalpasti daripada 34 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 12 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 9 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A

– impak tinggi dan kompleksiti rendah – memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara. Ringkasan 12 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:



KUADRAN A

Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN B

Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI TINGGI

KUADRAN C

Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN D

Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI TINGGI

STRATEGI 1

Menginstitusi Kredibiliti Penguatkuasaan Undang- Undang

STRATEGI 2

Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketulusan Prolehan Awam

STRATEGI 3

Memperkuuhkan Kecekapan Tadbir Urus Dan Berintegriti Tinggi

STRATEGI 4

Menambahbaik Kredibiliti Sistem Perundangan

IMPAK : kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 12 INISIATIF


Ringkasan berikut menunjukkan 12 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 34 keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang, Memperkuatkuan Kerangka Perolehan Awam, Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik dan Menambahbaik Keberkesanan Sistem Perundangan di Majlis Daerah Selama. 12 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan keperluan segera untuk menangani rasuah

| BIL | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|-----|---|---------|------------|
| 1 | Mewajibkan pelaksanaan pelaporan kesalahan anggota bagi pelaksanaan tindakan tatatertib secara berkala | A | Strategi 1 |
| 2 | Menubuhkan Jawatankuasa untuk memantau kerja-kerja penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kakitangan yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan | A | Strategi 1 |
| 3 | Mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan dan Pemeriksaan dalam proses pengauditan secara mengejut terhadap rekod-rekod barang rampasan | A | Strategi 1 |
| 4 | Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan | A | Strategi 2 |
| 5 | Memperkenalkan mekanisma yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan | A | Strategi 2 |
| 6 | Memperkenalkan sistem perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahbaik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan MDS dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak | A | Strategi 2 |
| 7 | Meningkatkan aplikasi sistem permohonan online dalam memperolehi kelulusan lesen, pelan, projek dan perolehan berasaskan teknologi bagi mengurangkan campurtangan manusia | A | Strategi 3 |
| 8 | Membentuk pengurusan dan mekanisma yang kukuh dan efektif dalam proses perekodan aset haiwan dan makanan haiwan | A | Strategi 3 |
| 9 | Mendapatkan Pensijilan <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i> MS ISO 37001 di Majlis Daerah Selama | A | Strategi 3 |
| 10 | Mengkaji, menyemak, menambahbaik serta meminda Undang-Undang Kecil, Perintah serta Peraturan yang telah melebihi tempoh lima (5) tahun. | A | Strategi 4 |
| 11 | Memperkenalkan mekanisma untuk mengkaji, menyemak dan menambahbaik semua perjanjian yang melibatkan pihak Majlis demi menjaga kesan dan kepentingan kepada pihak Majlis. | A | Strategi 4 |
| 12 | Menambahbaik latihan peningkatan kompetensi dan kecekapan pelaksanaan undang-undang melalui kursus dan latihan Fungsional Perundangan untuk semua kakitangan yang berkaitan. | A | Strategi 4 |



PELAN ANTIRASUAH

Majlis Daerah Selama



BIDANG KEUTAMAAN 1

| | |
|---------------------------------|---|
| BIDANG KEUTAMAAN : 1 | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
| STRATEGI : 1 | MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
| OBJEKTIF STRATEGIK : 1.1 | MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENGALAMAN PROFESIONALISME DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|------------|---|-----------------------------------|---------------------------------------|
| 1. | Mengadakan Kursus Dan Latihan secara berkala mengenai Penguatkuasaan, Kertas Siasatan Dan Peruntukan Undang-Undang kepada semua kakitangan yang menjalankan penguatkuasaan. | Jabatan Khidmat Pengurusan | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |
| 2. | Mewajibkan pelaksanaan pusingan kerja secara berkala bagi anggota penguatkuasa setelah perintah Tempat Letak Kereta (TLK) berkuatkuasa. | Unit Undang-Undang | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |
| 3. | Memperkenalkan sistem pengurusan kompaun i-Saman yang lebih sistematik cekap dan berkesan menggantikan cara kerja manual sedia ada. | Unit Undang-Undang | Tempoh 2 tahun (Jan 2021-Dis 2022) |
| 4. | Mewujudkan Jawatankuasa pemantauan dan pemeriksaan dalam proses pengauditan secara mengejut terhadap rekod-rekod barang rampasan. | Unit Audit Dalam | Tempoh 1 tahun (Jan 2022-Dis 2022) |
| 5. | Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) penyimpanan dan tuntutan barang Disita/Dipindah. | Unit Pelesenan Dan Penguatkuasaan | Tempoh 2 tahun (Jan 2021-Dis 2022) |
| 6. | Mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan terhadap kad kuasa agar tidak boleh dipalsukan. | Unit Pelesenan Dan Penguatkuasaan | Tempoh 1 tahun (Jan 2022-Dis 2022) |
| 7. | Menubuhkan jawatankuasa untuk memantau kerja-kerja penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kakitangan yang menjalankan penguatkuasaan. | Unit Pelesenan Dan Penguatkuasaan | Tempoh 1 tahun (Jan 2022-Dis 2022) |
| 8. | Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi pelaksanaan kebertanggungjawaban dalam aspek pengurusan kawal selia oleh penyelia dan ketua jabatan. | Jawatankuasa Dan Penguatkuasaan | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |



BIDANG KEUTAMAAN 2

| | |
|---------------------------------|--|
| BIDANG KEUTAMAAN : 2 | PEROLEHAN |
| STRATEGI : 2 | MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN |
| OBJEKTIF STRATEGIK : 2.1 | MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN KEWANGAN SERTA KAWALAN YANG TERATUR |

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|------------|---|------------------------|--------------------------------|
| 1. | Tuntutan Bayaran Palsu -Menyemak tuntutan pembayaran bagi perolehan yang tidak dilaksanakan. | Jabatan Perpendaharaan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 2. | Tuntutan Perjalanan, Elaun Lebih Masa Dan Panjar Wang Runcit Palsu Oleh Kakitangan Majlis -Menyemak tuntutan perjalanan, elaun lebih masa dan panjar wang runcit palsu oleh kakitangan Majlis. | Jabatan Perpendaharaan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 3. | Tuntutan Bayaran Berulang -Menyemak tuntutan pembayaran pembekal bagi inbois yang sama yang telah pun dijelaskan. | Jabatan Perpendaharaan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 4. | Perolehan Yang Melebihi Harga Pasaran -Memastikan setiap Jabatan/Unit melaksanakan kajian pasaran bagi setiap permohonan. | Jabatan Perpendaharaan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 5. | Kesepakatan -Memastikan tiada kesepakatan di antara kakitangan Majlis dan orang luar dalam perolehan kerajaan. | Jabatan Kejuruteraan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 6. | Pemilihan Dan Lantikan Pembekal Yang Tidak Kompeten Dan Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan -Memastikan pemilihan dan lantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan. | Semua Jabatan/Unit | Setiap Permohonan/ Tuntutan |



BIDANG KEUTAMAAN 2

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|-----|--|--------------------------------------|--------------------------------|
| 7. | Pembekalan Yang Tidak Sempurna Dan Tidak Mengikut Spesifikasi yang ditetapkan. -Memastikan pembekalan yang dipilih sempurna dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. | Semua Jabatan/Unit | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 8. | Penyelewengan Kutipan Luar -Memastikan kutipan mana-mana yang dikutip bagi pihak PBT lain tidak diserahkan kepada PBT yang berkaitan dan digunakan untuk kepentingan peribadi. | Jabatan Perbendaharaan | Setiap Permohonan/ Tuntutan |
| 9. | Pembatalan Resit Tanpa Sebab -Memastikan kerani kutipan membuat pembatalan resit bagi bayaran yang telah dijelaskan oleh orang awam dengan memulangkan semula wang tersebut kepada pihak sepatutnya dan tidak menggunakan bagi tujuan peribadi. | Jabatan Perbendaharaan | Sekiranya Terdapat Pembatalan |
| 10. | Manipulasi Kaedah Penerimaan Di Kaunter Kutipan Hasil - Menyemak dan memastikan Kerani kutipan memilih kaedah pembayaran yang betul sama ada secara kad kredit, tunai atau cek di kaunter kutipan hasil dan memasukkan rekod dalam sistem ePBT. | Jabatan Perbendaharaan | Setiap Kutipan |
| 11. | Penyalahgunaan Kuasa Untuk Pengurangan Terhadap Notis E Dan Waran F. - Memastikan pengurangan amaun Notis E dan Waran F yang dikenakan terhadap orang awam mendapat kelulusan pengurusan teratas. | Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | Sekiranya Terdapat Pengurangan |
| 12. | Pengeluaran Resit Terimaan Majlis Yang Palsu - Memastikan pengeluaran resit terimaan Majlis adalah melalui sistem atau buku resit terimaan yang betul. | Jabatan Perbendaharaan | Setiap Pengeluaran Resit |



BIDANG KEUTAMAAN 3

| | |
|---------------------------------|---|
| BIDANG KEUTAMAAN : 3 | TADBIR URUS TERBAIK ORGANISASI |
| STRATEGI : 3 | MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN BERINTEGRITI TINGGI |
| OBJEKTIF STRATEGIK : 3.1 | MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK |

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|------------|---|----------------------------|---------------------------------------|
| 1. | Melaksanakan penggunaan sistem e-hadir bagi tuntutan kerja lebih masa/elaun perjalanan. | Unit Teknologi Maklumat | Tempoh 5 tahun (2021-2025) |
| 2. | Memperkasakan mekanisma tindakan tata tertib bagi pegawai yang tidak mematuhi Arahan Pekeliling/Peraturan yang telah ditetapkan. | Jabatan Khidmat Pengurusan | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |
| 3. | Mengawal selia campur tangan pihak luar dan berkepentingan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan di Majlis. | Jabatan Khidmat Pengurusan | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |
| 4. | Menambahbaik terma rujukan (TOR) pelaksanaan mekanisma Pematuhan Piagam Pelanggan (Tempoh Masa) dalam Penyediaan Laporan Audit Dalam | Unit Audit Dalam | Tempoh 1 tahun (Jan 2021-Dis 2022) |
| 5. | Melaksanakan tindakan punitif yang tegas dan berat terhadap kakitangan yang melakukan ketirisan maklumat sensitif dan sulit | Jabatan Khidmat Pengurusan | Tempoh 5 tahun (Jan 2021-Dis 2025) |
| 6. | Melaksanakan pemasangan CCTV di kawasan yang berkaitan:- i.Pintu masuk pejabat ii.Laluan di lobi pejabat iii.Lot parking iv.Ruang dalam pejabat | Jabatan Khidmat Pengurusan | Tempoh 3 tahun (Jan 2021-Dis 2023) |



BIDANG KEUTAMAAN 4

BIDANG KEUTAMAAN : 4

PERUNDANGAN

STRATEGI : 4

MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI SISTEM PERUNDANGAN

OBJEKTIF STRATEGIK : 4.1

MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN SISTEM PERUNDANGAN

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|-----|---|--------------------|---------------------------------------|
| 1. | Mengkaji, menyemak, menambahbaik serta meminda Undang-Undang Kecil, Perintah serta Peraturan yang telah melebihi tempoh lima (5) tahun. | Unit Undang-Undang | Tempoh 5 tahun (2021-2025) |
| 2. | Memperkenalkan mekanisme untuk tempoh mengkaji, menyemak dan menambahbaik semua perjanjian yang melibatkan pihak Majlis demi menjaga kesan dan kepentingan kepada pihak Majlis. | Unit Undang-Undang | Tempoh 2 tahun (Jan 2021-Dis 2022) |



BAB 4

**TADBIR
URUS**

MEKANISMA PELAKSANAAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah MDS dilaksanakan secara cekap dan sistematik, MDS telah menubuhkan struktur khusus pentadbiran antirasuah yang melibatkan pelbagai peringkat melalui “Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 – Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Penta dbiran Kerajaan Malaysia : Mekanisma Pengurusan *Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan*” pada 5 Oktober 2018.

MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

PENYELARASAN

PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan

PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan
- Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik



MEKANISMA PENILAIAN

Laporan dikemukakan oleh UAD kepada
Jawatankuasa Pelan Antirasuah MDS

Jawatankuasa Pelan
Antirasuah MDS

MESYUARAT PENYELARASAN


- Mesyuarat tahunan
- Penilaian kualitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat pelan Antirasuah MDS dengan menilai strategi dan inisiatif
- Memantau proses pelaksanaan Pelan Antirasuah MDS

Mengemukakan laporan setiap
suku tahun kepada UAD

SEKRETARIAT
UAD

JAB/UNIT
BERKAITAN

Menyediakan
Data dan analisis



MEKANISMA PENILAIAN

Yang Dipertua sebagai Pengurusan Tertinggi akan mengawasi prestasi Jabatan/Unit peneraju dalam melaksanakan tindakan pelan Antirasuah MDS

Unit Audit Dalam akan mengemukakan laporan tahunan pemantauan dan Pelan Antirasuah MDS mengenai Jabatan / Unit peneraju kepada pihak pengurusan

Suatu laporan pemantauan dan penilaian oleh Unit Audit Dalam berkaitan prestasi Jabatan / Unit peneraju akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelan Antirasuah MDS

Jabatan / Unit peneraju akan menyerahkan laporan setengah tahun kepada Unit Audit Dalam menggunakan tempat yang ditetapkan. Melaksanakan penilaian risiko yang diperlukan mengenal pasti penyelesaian yang terbaik dan mewujudkan aktiviti

MEKANISMA
PENYELARASAN,
PEMANTAUAN &
PENILAIAN

Jabatan / Unit peneraju akan menyerahkan laporan suku tahun kepada urusetia Unit Audit Dalam

Urusetia Unit Audit Dalam akan mengadakan Mesyuarat Koordinasi Prestasi sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh setahun dengan kehadiran Jabatan / Unit peneraju



BAB 5

KESIMPULAN



KESIMPULAN

Beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah melalui masa yang penuh getir dengan cabaran dalam mendepani dengan isu konflik yang besar dalam usahanya untuk memerangi jenayah rasuah; diharapkan masa lampau yang getir dan sukar ini tidak akan menghantui pada masa akan datang. Merujuk kata-kata YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, Malaysia seharusnya perlu dikenali kerana budaya amalan integriti dan bukannya kerana amalan jenayah rasuah. Sehubungan dengan itu, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan senario politik yang tidak menentu, maka Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibangunkan harus diperkasakan dari masa ke semasa untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan PBT serta mengambil kira kehendak rakyat.

Pihak MDS tidak terlepas dan komited menetapkan hala tujunya melalui pembangunan suatu strategi bersepadu dan menyeluruh dalam usaha untuk memerangi penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan jenayah rasuah.

MDS berusaha sebaiknya meletakkan inisiatif yang lebih dan memberikan keutamaan dalam memerangi rasuah untuk kebaikan masyarakat setempat. Dalam merealisasikan inisiatif ini, MDS telah mengadakan Sesi Perbengkelan Pembangunan dan Penggubalan Pelan Anti Rasuah MDS bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh. Selaras dengan matlamat untuk mencapai Wawasan 2020, pelan ini juga akan bertindak sebagai suatu kerangka bagi transformasi ke arah pengurusan perkhidmatan daerah yang bebas dan bersih rasuah.

Pelan Anti Rasuah MDS telah pun menggariskan wawasan jangka panjang tindakan Anti Rasuah ke arah Majlis Daerah Selama Telus Dan Berintegriti menerusi 26 inisiatif untuk dilaksanakan, di mana 17 inisiatif adalah bersifat jangka pendek dan selebihnya 9 inisiatif bersifat jangka panjang dalam pelaksanaannya. Melalui empat strateginya, Pelan Anti Rasuah MDS akan memastikan usaha pembanterasan rasuah diperkemas di kalangan pemain politik, entiti korporat, agensi penguatkuasaan dan pihak yang berkepentingan. MDS akan berusaha memainkan peranan penting untuk memastikan keperluan dan keupayaan sumber modal insan dan kewangan serta capaian kepada sumber daya ini tersedia kepada semua pemegang taruh yang berkenaan untuk melaksanakan inisiatif masing-masing di peringkat jabatan dan unit. Pelan ini akan menjadi pelan pertama seumpamanya yang merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam suatu kerangka bersepadu menghubung jalankan aspek Pencegahan dan Pemeriksaan yang komprehensif dan inklusif.

Bagi memastikan kesinambungan dan kelestarian Pelan Anti Rasuah MDS, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau dan dikaji secara berkala dari masa ke semasa. Pemantauan maklum balas, nasihat serta panduan berterusan akan dibuat supaya selari dengan perubahan semasa dan keperluan strategik negara. Keseluruhan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah MDS juga akan diperkuuh oleh prinsip tadbir urus modal insan. Dengan cara ini, Pelan Anti Rasuah MDS akan kekal relevan dan menjadi rujukan melewati garis masa mandat Pelan Anti Rasuah MDS itu sendiri secara holistik.



PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Pelan Antirasuah Majlis Daerah Selama serta seluruh warga MDS yang terlibat di atas komitmen, kesungguhan dan iltizam bagi menjayakan penghasilan Pelan Antirasuah MDS 2021- 2025 ini.

PENGERUSI

**Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, AMP
Yang Dipertua Majlis Daerah Selama**

TIMBALAN PENGERUSI

**Encik Noor Ekhsan bin Baharuddin
Setiausaha Majlis Daerah Selama**

AHLIJAWATANKUASA

**Nur Arifah binti Abdul Aziz
Norzahani binti Zaini
Noor Salbiah binti Khudzir
Rofizlan bin Yunus
Mohd Syukri bin Md Noor
Siti Nurbaya binti Abu Bakar
Mohamad Fariq bin Abd Razak
Mohd Yusri bin Mohd Yunus
Nabila Huda binti Nasrudin
Mohamad Razif bin Ismail
Umar Shahrezad bin Shahabuddin
Rozihan bin Abdul Malik Aini**



PENGHARGAAN

PASUKAN PENYUNTING

PENASIHAT

**Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, AMP
Yang Dipertua Majlis Daerah Selama**

TIMBALAN PENASIHAT

**Encik Noor Ekhsan bin Baharuddin
Setiausaha Majlis Daerah Selama**

URUSETIA


**Nur Arifah binti Abdul Aziz
Umar Shahrezad bin Shahabuddin
Rohaya binti Abdullah
Mohd Zool Ihsan bin Ahmad**







BENGKEL PEMBANGUNAN

PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS DAERAH SELAMA 2021-2025



"Selama Melakar Rembangunan Lestari"



Terima Kasih



PERTANYAAN LANJUT/ADUAN :

TEL : 05-839 4201, 05-839 2021 (UNIT AUDIT DALAM)

EMAIL : uad@mdselama.gov.my

DITERBITKAN OLEH :



UNIT AUDIT DALAM

MAJLIS DAERAH SELAMA

34100 SELAMA,

PERAK DARUL RIDZUAN.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.